**BAB 1**
**KEDUDUKAN STRATEGIK**
**MENDORONG PENGUASAAN BRITISH**

1 Senarai di bawah menunjukkan sebab British memerlukan Pulau Pinang. (4)

- Pangkalan tentera
- Pelabuhan persinggahan
- X

Apakah X?

A Kawasan pertanian
B Kawasan perlombongan
C Pusat pengumpulan barang
D Pusat penyebaran agama Kristian

2 Pernyataan di bawah berkaitan dengan usaha SHTI mengambil Pulau Pinang. (4)

> Syarikat Hindia Timur Inggeris (SHTI) menandatangani perjanjian dengan Sultan Kedah pada tahun 1786 dan 1791.

Mengapakah British berbuat demikian?

A Penghapusan lanun
B Penguasaan hasil rempah
C Pengawalan Selat Melaka
D Persaingan dengan Perancis

3 Pernyataan di bawah menunjukkan masalah yang dihadapi oleh pemimpin Kedah pada tahun 1770-an. (5)

- X
- Ancaman Siam
- Serangan Bugis

Apakah X?

A Kegiatan perlanunan
B Pergaduhan kongsi gelap
C Pemberontakan dalam negeri
D Kemerosotan ekonomi

4 Mengapakah Sultan Kedah menghubungi syarikat berikut pada kurun ke-18? (6)

- Firma *Jourdain Sullivan and de Souza*
- Syarikat Hindia Timur Inggeris

A Meningkatkan aktiviti perdagangan
B Mengekalkan kedaulatan negeri
C Menjalin hubungan diplomatik
D Menghapus ancaman lanun

5

> 1786, Sultan Abdullah membenarkan Francis Light menduduki Pulau Pinang.

Peristiwa di atas berkaitan dengan perjanjian antara Inggeris dengan Sultan Kedah.

Mengapakah Sultan Abdullah bertindak demikian? (7)

A Mengatasi masalah kewangan
B Menghapuskan ancaman lanun
C Memajukan bidang perdagangan
D Mendapatkan bantuan ketenteraan

6 Dialog di bawah mungkin berlaku pada tahun 1786.

> Francis Light : Tuanku serahkan Pulau Pinang kepada SHTI. Kami akan hantar tentera.
>
> Sultan Abdullah : Tuan mesti patuhi janji.

Apakah tujuan SHTI bertapak di Pulau Pinang? (4)

I Menyekat pengaruh Perancis
II Menjadi pusat pentadbiran
III Memonopoli perdagangan rempah
IV Menjadi pusat pengumpulan bahan mentah

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

7 Senarai di bawah merupakan bahan mentah yang terdapat di Asia Tenggara.

- Perak
- Bijih timah
- Lada hitam

Apakah yang mendorong Syarikat Hindia Timur Inggeris mendapatkan barangan tersebut? (4)

A Untuk ditukarkan dengan sutera daripada pedagang China
B Untuk ditukarkan dengan teh daripada pedagang China
C Untuk ditukarkan dengan candu daripada pedagang China
D Untuk ditukarkan dengan rempah daripada pedagang China

8 Syarikat Hindia Timur Inggeris (SHTI) diberikan kuasa oleh kerajaan British untuk menjalankan perdagangan antarabangsa dan meluaskan tanah jajahan.

SHTI tidak boleh menguasai Kedah kerana (4)

A Dilarang oleh kerajaan British
B Siam mengakui Kedah di bawah naungannya
C Kedah mempunyai perjanjian perdagangan dengan Siam
D Ingin menjaga hubungan perdagangan dengan China

9 Senarai di bawah merupakan matlamat SHTI. (4)

- Pusat pengumpulan barang
- Pelabuhan persinggahan
- Pangkalan tentera

Apakah kesan daripada matlamat SHTI di Tanah Melayu?

A SHTI menduduki Pulau Pinang
B SHTI menduduki Seberang Perai
C Meningkatkan perdagangan SHTI di China
D Tercetus perang antara Inggeris dengan Perancis di India

10 Tentera Bugis yang dipimpin oleh Raja Haji telah menyerang dan menawan Kuala Kedah dan Alor Setar

Apakah tindakan lanjut Sultan Muhammad Jiwa? (5)

A Berundur ke Kangar
B Memohon bantuan Siam
C Berkubu di Seberang Perai
D Menerima perlindungan Melaka

11 Dialog di bawah mungkin diucapkan oleh para pembesar Kedah.

Pembesar 1 : Hamba menentang pelantikan Tunku Abdullah sebagai Raja Muda Kedah.

Pembesar 2 : Kita kena berpakat dengan Bugis di Selangor.

Apakah tujuan pakatan dengan Bugis di Selangor? (5)

A Menentang Siam
B Menentang British
C Menentang Tunku Abdullah
D Menentang Sultan Muhammad Jiwa

12 Dialog di bawah mungkin berlaku pada akhir abad ke-18.

Pedagang British : Saya berminat dengan barangan negara kamu.

Pedagang China : Tetapi saya tidak berminat dengan barang negara kamu.

Apakah tindakan Syarikat Hindia Timur Inggeris bagi mengatasi masalah tersebut? (6)

A Mempelbagaikan hasil keluaran
B Mengawal perairan Selat Melaka
C Membuka penempatan di Pulau Pinang
D Menjalin hubungan diplomatik dengan Siam

13

> 1753 – 1781, Kedah menghentikan penghantaran bunga emas kepada Siam

Mengapa Kedah menghentikan penghantaran bunga emas kepada Siam?(6)

| | |
|---|---|
| A | Kedah ditawan oleh Bugis |
| B | Kedah dinaungi oleh British |
| C | Siam berperang dengan Burma |
| D | Kedah diarahkan oleh Siam menakluki Perak |

14

> 1778 – 1797, Sultan Abdullah mendapatkan bantuan tentera daripada SHTI.

Mengapakah bantuan tersebut diperlukan?(6)

| | |
|---|---|
| A | Tentera Bugis menyerang Pulau Pinang |
| B | Firma Jourdain Sullivan and de Souza membantu Bugis |
| C | Sultan Kedah berasa terancam dengan tuntutan Siam |
| D | Kerabat diraja Kedah mahu Tunku Abdullah sebagai Sultan Kedah |

15 Pernyataan di bawah dikaitkan dengan Siam.

> - X sebagai tanda persahabatan
> - X dihantar tiga tahun sekali

Apakah X? (6)

| | |
|---|---|
| A | Cap mohor |
| B | Bunga emas |
| C | Payung kuning |
| D | Sepersalinan pakaian |

16 Sultan Abdullah telah menawarkan Pulau Pinang kepada Syarikat Hindia Timur Inggeris tetapi dengan syarat-syarat tertentu.

Antara syarat-syarat tersebut ialah (7)

| | |
|---|---|
| I | British tidak boleh melindungi musuh Kedah |
| II | British hendaklah memberi bantuan tentera kepada Kedah |
| III | British hendaklah mengawal perdagangan di Kuala Kedah |
| IV | British dibenarkan menduduki kawasan pantai antara Kuala Kerian dengan Kuala Muda |

| | |
|---|---|
| A | I dan II |
| B | I dan IV |
| C | II dan III |
| D | III dan IV |

17

> 11 Ogos 1786, upacara menaikkan bendera Union Jack di Pulau Pinang.

Apakah kepentingan peristiwa tersebut kepada British? (8)

| | |
|---|---|
| A | Bermulanya ancaman Siam terhadap Kedah |
| B | Berakhirnya campur tangan Siam di Kedah |
| C | Berakhirnya penghantaran ufti Kedah kepada Siam |
| D | Bermulanya penjajahan British di Tanah Melayu |

18 Pernyataan di bawah berkaitan dengan peristiwa serangan Francis Light ke atas Sultan Kedah pada tahun 1791.

> Hubungan Sultan Kedah dengan Francis Light mulai retak setelah Francis Light membuka petempatan di Pulau Pinang.

Apakah punca keretakan hubungan tersebut? (9)

| | |
|---|---|
| A | Francis Light mengenakan cukai yang tinggi |
| B | Francis Light tidak membayar wang ganti rugi |
| C | Francis Light campur tangan dalam pentadbiran |
| D | Francis Light tidak memberikan |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | | bantuan ketenteraan |
| 19 | | Dialog di bawah mungkin berlaku pada tahun 1791. | |

Sultan Abdullah : Kumpulkan bala tentera di Seberang Perai. Beta mahu Pulau Pinang diserang!

Bendahara : Perintah dijunjung tuanku.

Mengapakah Sultan Abdullah mengeluarkan perintah tersebut? (9)

| | |
|---|---|
| A | British merampas tanah penduduk |
| B | British menyekat bekalan makanan |
| C | British tidak memberi bantuan tentera |
| D | British mengenakan cukai yang tinggi |

20 Senarai di bawah dikaitkan dengan pemerintah Kedah.

- Sultan Abdullah
- Sultan Dziauddin

Apakah persamaan mereka? (9)

| | |
|---|---|
| A | Menakluki Patani |
| B | Diancam oleh Burma |
| C | Memerlukan bantuan kewangan |
| D | Memerlukan bantuan ketenteraan |

21 Maklumat di bawah merujuk kepada perjanjian yang ditandatangani oleh Sultan Kedah dengan Francis Light .

Perjanjian Inggeris-Kedah 1786

Mengapakah SHTI enggan memberikan bantuan ketenteraan kepada Kedah?(9)

| | |
|---|---|
| I | Tidak terlibat dalam Perjanjian 1786 |
| II | SHTI tidak mempunyai angkatan senjata |
| III | British sedang berperang dengan Perancis di India |
| IV | SHTI ingin menjaga kepentingan perdagangan dengan Siam |

| | |
|---|---|
| A | I dan II |
| B | I dan IV |
| C | II dan III |
| D | III dan IV |

22 Pernyataan di bawah mengaitkan seorang pegawai British dengan sebuah wilayah di Kedah.

Francis Light di Pulau Pinang

Mengapakah Francis Light menawarkan bayaran ganti rugi kepada Sultan Kedah? (9)

| | |
|---|---|
| A | Diarah oleh British |
| B | Membeli Pulau Pinang |
| C | Dituntut oleh Sultan Kedah |
| D | Enggan melepaskan Pulau Pinang |

23 Pada tahun 1800, satu perjanjian telah ditandatangani antara SHTI dengan Sultan Kedah. Apakah kesan perjanjian tersebut?(10)

| | |
|---|---|
| A | Sultan Kedah diturunkan takhta |
| B | British mengambil Seberang Perai |
| C | British menguasai pentadbiran Kedah |
| D | Sultan Kedah menyerahkan Pulau Pinang |

24 Apakah faktor yang menyumbang kepada pengukuhan kuasa British di Tanah Melayu selepas tahun 1800? (10)

| | |
|---|---|
| A | Penguasaan Seberang Perai |
| B | Penguasaan laluan perdagangan |
| C | Pangkalan tentera British ditubuhkan |
| D | Pengaruh Perancis berjaya dihapuskan |

25 Mengapakah SHTI ingin menduduki Seberang Perai? (10)

| | |
|---|---|
| I | Dijadikan pusat pentadbiran |
| II | Membina landasan kereta api ke Siam |
| III | Kawasan yang sesuai untuk pertanian |
| IV | Bertindak sebagai benteng pertahanan |

| | |
|---|---|
| A | I dan II |
| B | I dan IV |
| C | II dan III |
| D | III dan IV |

26 Maklumat di bawah merujuk kepada perjanjian antara Sultan Kedah dengan Gabenor British.

> Jun 1800, Sultan Dziauddin menandatangani Perjanjian Persahabatan dan Perikatan dengan Gabenor George Leith.

Perjanjian tersebut membolehkan SHTI menduduki (10)

A Georgetown
B Seberang Perai
C Kedah secara sah
D Pulau Pinang secara sah

27 Mengapakah British tidak membantu Sultan Kedah mengusir Siam pada tahun 1821? (11)

A British kekurangan tentera
B British kurang kelengkapan senjata
C British sedang berperang dengan Belanda
D British mahu mengekalkan hubungan baik dengan Siam

28 Apakah kesan Perjanjian Burney pada tahun 1826 terhadap Kedah? (11)

A Menjadi wilayah Siam
B Menjadi naungan British
C Menamatkan sistem beraja
D Menyerahkan Seberang Perai

29 Senarai di bawah merupakan perkara-perkara yang terkandung dalam Perjanjian Burney.(11)

> British mengiktiraf ketuanan Siam terhadap Kedah
> X
> Siam mengiktiraf pendudukan British di Pulau Pinang dan Seberang Perai

X merujuk kepada

A Kedah tidak boleh melindungi musuh British
B Sultan Ahmad Tajuddin II tidak dibenarkan tinggal di Melaka
C Kedah hendaklah membayar ufti bunga emas kepada Siam
D British akan membantu Sultan Kedah menyerang Siam jika diancam

30 Maklumat di bawah merujuk kepada tokoh yang menandatangani Perjanjian Burney.

> X menandatangani perjanjian dengan Henry Burney di Bangkok

X ialah (11)

A Rama III
B Francis Light
C Raja Chulalongkorn
D Sultan Ahmad Tajuddin II

31

> Pulau pinang gagal mencapai kemajuan yang diharapkan oleh SHTI

Keadaan di atas berlaku kerana (13)

A Kekurangan pegawai British
B Pengurusan pelabuhan kurang sistematik
C Kedudukannya jauh ke utara Selat Melaka
D Persaingan pelabuhan-pelabuhan yang berhampiran

32

> Raja Belanda telah menandatangani Surat-surat Kew pada tahun 1795 dengan kerajaan British.
>
> Apakah tujuan utama Belanda menandatangani Surat-surat Kew pada tahun 1795? (13)

A Meluaskan tanah jajahannya di Eropah Barat
B Menamatkan Perang Napoleon di Eropah
C Mengelakkan tanah jajahannya daripada jatuh ke tangan Perancis
D Membolehkan British mengambil alih tanah-tanah jajahannya

33 Kebanyakan kapal dagang berdagang di Betawi, Riau, dan Lingga.
Berdasarkan maklumat di atas, apakah tindakan British? (13)

A Membuka pelabuhan di Pulau Pinang
B Berusaha menguasai pelabuhan Betawi
C Menyerang Bangkahulu di selatan Sumatera
D Mencari sebuah pelabuhan di selatan Selat Melaka

Soalan 34 dan 35 adalah berdasarkan sebahagian petikan surat Stamford Raffles yang menunjukkan potensi pelabuhan Singapura.

> "Percayalah kepada saya, ini merupakan sebuah stesen di timur yang terpenting dari segi keunggulan laut dan kepentingan perdagangan, tiada tolok bandingnya lebuh berharga dari sebuah

34 Apakah keistimewaan Singapura yang menyebabkan Stamford Raffles mencadangkan kepada SHTI supaya mendirikan pengkalan baharu di situ? (14)

I Kedudukan yang strategik
II Menjadi pasaran luas
III Kaya dengan bahan mentah
IV Sesuai dijadikan pelabuhan

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

35 Apakah sebab pihak British memerlukan pelabuhan baru? (14)

I Peningkatan harga rempah
II Kemajuan perdagangan China
III Kegagalan menyaingi pengaruh Belanda
IV Kelemahan pelabuhan Melaka dan Betawi

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

36 Apakah kelebihan Singapura yang menarik perhatian Stamford Raffles untuk memajukan Singapura? (14)

A Singapura merupakan banteng pertahanan yang kukuh
B Singapura merupakan sebuah pelabuhan yang mempunyai pemandangan yang indah
C Singapura dapat mengawal laluan perdagangan di Selat Sunda dan Selat Melaka
D Singapura merupakan pelabuhan yang pernah menjadi jajahan British

37
> Perjanjian antara Temenggung Abdul Rahman dengan Stamford Raffles telah ditandatangani pada 30 Januari 1819. Apakah implikasi daripada peristiwa tersebut? (15)

A Singapura diambil alih oleh British
B British membina loji di Singapura
C Temenggung Abdul Rahman diiktiraf sebagai Sultan Johor
D Tercetus perselisihan antara Tengku Hussein dengan Temenggung Abdul Rahman

38 Perjanjian berikut membenarkan SHTI mendirikan loji di Singapura.

> Perjanjian 30 Januari 1819

Mengapakah Temenggung Abdul Rahman sanggup menandatangani perjanjian tersebut? (15)

A Hendak memajukan Singapura
B Bimbang diserang oleh Raffles
C Hendak mendapat wang pampas an
D Bimbang kehilangan kedudukannya

39
> Perjanjian yang ditandatangani di antara Stamford Raffles dengan Temenggung Abdul Rahman pada 30 Januari 1819 dianggap tidak sah.

Bagaimanakah Stamford Raffles mengatasi masalah tersebut? (16)

A Meminta bantuan luar
B Menabalkan sultan baharu
C Mencari petempatan baharu
D Mendapatkan sokongan pembesar

**40**

Sultan Mahmud III
→ X
→ Tengku Abdul Rahman

Mengapakah tokoh X tidak ditabalkan menjadi Sultan Johor? (16)

| | |
|---|---|
| A | Beliau merupakan anak yang menderhaka |
| B | Beliau merupakan anak angkat Sultan Mahmud III |
| C | Beliau berada di Pahang semasa upacara pemakaman almarhum sultan |
| D | Beliau bertindak untuk menyerang British |

**41** Apakah cara yang digunakan oleh Raffles untuk mendapatkan Singapura? (16)

| | |
|---|---|
| A | Raffles telah menipu Sultan abdul Rahman |
| B | Raffles telah meminta bantuan British untuk menyerang Johor |
| C | Raffles telah menghalau Sultan Abdul Rahman |
| D | Raffles telah menabalkan Tengku Hussein sebagai Sultan Johor |

**42**

William Farquhar : Nampaknya usaha kita gagal mendapat pengiktirafan pemerintah Johor.

Stamford Raffles : Jangan putus asa. Kita akan menggunakan muslihat untuk mendapatkan Singapura.

Dialog di atas mungkin berlaku pada kurun ke-19
.
Apakah muslihat yang dimaksudkan dalam dialog tersebut? (16)

| | |
|---|---|
| A | Mengiktiraf Sultan Abdul Rahman |
| B | Melucutkan takhta Sultan Mahmud III |
| C | Menabalkan Tengku Hussein sebagai Sultan |
| D | Menyingkirkan Temenggung Abdul Rahman |

**43**

7 Jun 1823
↓
Stamford Raffles telah menandatangani perjanjian dengan Sultan Hussein dan Temenggung Abdul Rahman.

Apakah tujuan utama Stamford Raffles berbuat demikian? (17)

| | |
|---|---|
| A | Membolehkan SHTI berkuasa di seluruh Singapura |
| B | Mengelakkan Belanda daripada menguasai Singapura |
| C | Mendapatkan kebenaran untuk berdagang di Singapura |
| D | Mengukuhkan kedudukannya sebagai Gabenor |

**44**

| Perjanjian 7 Jun 1823 |
|---|
| Antara syarat perjanjian<br>Sultan dan Temenggung tidak berhak mengutip cukai<br>Undang-undang British dikuatkuasakan. |

Apakah kesan daripada perjanjian di atas yang ditandatangani antara Stamford Raffles, Sultan Hussein dan Temenggung Abdul Rahman? (17)

| | |
|---|---|
| I | Sultan Hussein kehilangan kuasa |
| II | British berkuasa penuh di Singapura |
| III | Johor menjadi tanah jajahan British |
| IV | Temenggung memindahkan pusat pentadbiran |

| | |
|---|---|
| A | I dan II |
| B | I dan IV |
| C | II dan III |
| D | III dan IV |

45 Rajah di bawah merujuk kepada strategi Raffles untuk mendapatkan hak menguasai Singapura.

| | |
|---|---|
| Jan. 1823 | Raffles menandatangani perjanjian dengan Sultan Hussein dan Temenggung Abdul Rahman. |
| Feb. 1819 | Raffles mendapatkan persetujuan Sultan Hussein untuk mengiktiraf perjanjian awal. |
| Jan. 1819 | Raffles menandatangani perjanjian dengan Temenggung Abdul Rahman |

Mengapakah Raffles perlu mendapatkan persetujuan daripada Sultan Hussein? (16&17)

I Singapura tidak dapat dikuasai sepenuhnya oleh Raffles
II Sultan Hussein tidak setuju dengan bayaran pampas an
III Desakan para pedagang berhubung dengan bayaran cukai pelabuhan ini
IV Temenggung Abdul Rahman tidak mempunyai hak sepenuhnya

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

46

| |
|---|
| Satu perjanjian telah ditandatangani oleh Raffles dengan Temenggung Abdul Rahman dan Sultan Hussein pada 2 Ogos 1824 supaya SHTI dapat berkuasa di seluruh Singapura. |

Apakah syarat-syarat yang terdapat dalam perjanjian yang dinyatakan di atas? (17)

I Temenggung Abdul Rahman akan dibayar pampas an sebanyak 1000 dolar Sepanyol setiap tahun
II Temenggung Abdul Rahman dan Sultan Hussein serta warisnya tidak dibenarkan menetapkan di tanah milik baginda di Singapura dan perlu berpindah dari Singapura
III Pedagang-pedagang dibenarkan bebas berdagang di Johor dan wilayah takluk Johor
IV Singapura akan diserahkan oleh Temenggung Abdul Rahman dan Sultan Hussein kepada SHTI buat selama-lamanya

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

47 Apakah alas an yang diberikan oleh SHTI apabila SHTI mengarahkan Temenggung Abdul Rahman supaya memindahkan pusat pentadbiran dari Kuala Sungai Singapura ke Teluk Belanga? (18)

A SHTI ingin menlindungi Singapura daripada dijajah oleh kuasa barat lain
B SHTI ingin memajukan Singapura
C SHTI ingin membaiki istana Sultan Hussein
D SHTI ingin menghalau Temenggung Abdul Rahman

48

Teluk Belanga → X

Rajah di atas merupakan pusat pemerintahan Johor yang dipindahkan. Apakah X? (18)

A Kampung Gelam
B Muar
C Johor Bahru
D Lingga

49 Rajah di bawah menunjukkan kedua-dua kuasa penjajah berminat untuk menguasai Singapura pada tahun 1819

British → Singapura ← Belanda

Mengapakah Belanda mempertikaikan penguasaan British ke atas Singapura? (19)

A Raffles gagal untuk mengawal ancaman lanun di perairan Singapura
B Singapura merupakan sebahagian daripada penguasaan Belanda
C Raffles gagal mendapatkan persetujuan daripada Sultan Johor
D Sultan Hussein bukan merupakan pemerintah yang sah

50. Apakah yang dibimbangkan oleh Belanda apabila British membuka petempatan di Singapura? (19)

| | |
|---|---|
| A | British akan menyerang Belanda |
| B | British akan mengukuhkan kuasanya di Betawi |
| C | Singapura akan menjejaskan perdagangan di Betawi |
| D | Belanda akan menjadi tanah jajahan British |

51. Pertikaian di antara Belanda dengan British wujud berikutan pendudukan British di Singapura. Bagaimanakah kedua-dua pihak tersebut menyelesaikan masalah mereka? (19)

| | |
|---|---|
| A | Melalui perjanjian |
| B | Melalui peperangan |
| C | Bantuan dari luar |
| D | Hubungan diplomatik ditamatkan |

52. Apakah syarat yang terdapat dalam Perjanjian Inggeris-Belanda 1824? (19)

| | |
|---|---|
| I | Bangkahulu diserahkan oleh British kepada Belanda manakala Belanda menyerahkan Melaka kepada British |
| II | Petempatan British di Singapura mendapat pengiktirafan daripada Belanda |
| III | British dibenarkan mendirikan petempatan yang baru di Tanah Melayu |
| IV | Belanda dibenarkan membuka petempatan baru di Indonesia |

| | |
|---|---|
| A | I dan II |
| B | I dan IV |
| C | II dan III |
| D | III dan IV |

53. Maklumat berikut merupakan antara syrat Perjanjian Inggeris-Belanda 1824.

> Belanda tidak akan membuka petempatan baru di Tanah Melayu.
> British tidak akan membuka petempatan  baru di selatan Singapura.

Apakah kesan syarat tersebut? (20)

| | |
|---|---|
| A | Kemerosotan perdagangan |
| B | Pembahagian kawasan pengaruh |
| C | Kebangkitan pembesar tempatan |
| D | Penghapusan pentadbiran tradisional |

54.

> *Riau
> * Lingga

Apakah nasib kedua-dua kawasan di atas setelah perjanjian Inggeris-Belanda ditandatangani pada tahun 1824?  (20)

| | |
|---|---|
| A | Menerima pengaruh Belanda |
| B | Berada di bawah kekeuasaan British |
| C | Bebas daripada sebarang pengaruh |
| D | Tertakluk kepada pengaruh Portugis |

55. Belanda : Mana boleh, ini kami punya. Pualau ini dalam lingkungan Pengaruh kami.

British   : Jangan masuk ke kawasan saya Pulau ini hak kami. Ini disah-kan dalam perjanjian dengan Sultan Hussein.

Dialog di atas menggambarkan perebutan penguasaan Singapura antara British dengan Belanda.
Apakah pengajaran daripada situasi tersebut? (20)

| | |
|---|---|
| A | Bersatu padu mengekalkan kemerdekaan |
| B | Bertolak ansur terhadap pendatang |
| C | Berwaspada terhadap kuasa asing |
| D | Bermuafakat membuat keputusan |

56. Mengapakah Pulau Pinang, Singapura, dan Melaka disatukan di bawah satu pentadbiran pada tahun 1826? (21)

| | |
|---|---|
| I | Mengukuhkan pertahanan |
| II | Menjimatkan perbelanjaan |
| III | Menyeragamkan pentadbiran |
| IV | Mengamalkan perkongsian pakar |

| | |
|---|---|
| A | I dan II |
| B | I dan IV |
| C | II dan III |
| D | III dan IV |

57. Mengapakah Pualau Pinang yang merupakan ibu negeri telah digantikan oleh Singapura pada tahun 1832?  (21)

| | |
|---|---|
| A | Singapura telah menjadi tempat pelancongan pedagang asing. |
| B | Pulau Pinang merupakan sebahagian daripada kerajaan Kedah |
| C | Singapura mempunyai kedudukan yang lebih strategic |
| D | Pulau Pinang telah menjadi sebahagian daripada kerajaan Siam |

58 Rajah berikut menunjukkan struktur pentadbiran Negeri-negeri Selat 1826.




Siapakah X? (21)

| | |
|---|---|
| A | Pengarah British |
| B | Gabenor Jeneral British |
| C | Leftenan Jeneral British |
| D | Pesuruhjaya Tinggi British |

59 Jadual berikut berkaitan dengan pentadbiran Negeri-negeri Selat.

| X | Y |
|---|---|
| 1826 | 1867 |
| Gebenor Jeneral di India | Pejabat Tanah Jajahan di London |

Apakah factor yang menyebabkan pemindahan pentadbiran NNS dari X ke Y pada tahun 1867? (22)

| | |
|---|---|
| I | Masalah lanun |
| II | Kekacauan kongsi gelap |
| III | Penghapusan taraf pelabuhan bebas |
| IV | Kekurangan pegawai British |

| | |
|---|---|
| A | I dan II |
| B | I dan IV |
| C | II dan III |
| D | III dan IV |

60 Jadual berikut menunjukkan suatu peritiwa pengisytiharan oleh pihak British.

| Tarikh | Peristiwa |
|---|---|
| 1 April 1867 | Negeri-negeri Selat diisytiharkan sebagai Tanah Jajahan British |

Apakah kesan perisytiharan tersebut terhadap Negeri-negeri Selat? (22)

| | |
|---|---|
| A | Menyekat kemasukan imigran Cina |
| B | Menjadi tempat buangan banduan |
| C | Meluluskan undang-undang sendiri |
| D | Menerima arahan daripada Gabenor Jeneral |

**Jawapan BAB 1 TINGKATAN 2 Sejarah**

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 1 | C | | 31 | C |
| 2 | D | | 32 | C |
| 3 | C | | 33 | D |
| 4 | B | | 34 | B |
| 5 | D | | 35 | C |
| 6 | B | | 36 | C |
| 7 | B | | 37 | B |
| 8 | B | | 38 | B |
| 9 | A | | 39 | B |
| 10 | A | | 40 | C |
| 11 | D | | 41 | D |
| 12 | C | | 42 | C |
| 13 | C | | 43 | A |
| 14 | C | | 44 | A |
| 15 | B | | 45 | B |
| 16 | A | | 46 | D |
| 17 | D | | 47 | B |
| 18 | D | | 48 | C |
| 19 | C | | 49 | B |
| 20 | D | | 50 | C |
| 21 | B | | 51 | A |
| 22 | D | | 52 | A |
| 23 | B | | 53 | B |
| 24 | A | | 54 | A |
| 25 | D | | 55 | C |
| 26 | B | | 56 | C |
| 27 | D | | 57 | C |
| 28 | A | | 58 | B |
| 29 | C | | 59 | C |
| 30 | A | | 60 | C |